

Fama Sasar 50 Usahawan Terima Jenama '1Malaysia Best' Tahun Ini
Bernama
26 Februari, 2013

SEREMBAN, 26 Feb (Bernama) -- Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) menyasar sekurang-kurangnya 50 usahawan industri asas tani baharu akan memperoleh perakuan jenama '1Malaysia Best' tahun ini bagi mempromosi produk keluaran mereka.

Timbalan Ketua Pengarah FAMA (Operasi) Sharifah Hashim berkata produk usahawan yang memperoleh jenama itu akan diketengah bagi sasaran penjualan di rangkaian pasaraya AEON serta diperluas ke pasaran antarabangsa.

"Sebenarnya bukan mudah untuk menerima pengiktirafan ini kerana mereka perlu mempunyai sijil halal dan kemampuan usahawan itu sendiri dalam membekalkan produk yang mencukupi.

"Ini bagi mengelak timbulnya isu pembekalan produk yang tidak mencukupi ke pasaraya terpilih, walaupun produk tersebut mempunyai pembungkusan yang baik dan mampu berdaya saing," katanya selepas pelancaran Karnival 1Malaysia Best Selasa di pekarangan Pasaraya AEON, Seremban 2, yang berlangsung tujuh hari bermula semalam dan melibatkan 18 usahawan.

Sharifah berkata pelancaran karnival itu bertujuan mempromosi jenama 1Malaysia Best kepada usahawan di negeri ini dan orang ramai selain memperkenalkan produk yang mendapat pengiktirafan jenama tersebut.

Beliau berkata bagi Negeri Sembilan, seramai 15 usahawan mendapat perakuan jenama 1Malaysia Best melibatkan 185 produk dengan hasil jualan mencecah RM1.2 juta pada tahun lepas.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=930564>